

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN NG WEI AIK**
[TANJONG]

TARIKH : **7 MAC 2017**

SOALAN : **Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan sama ada hubungan dua hala di antara Malaysia dengan Korea Utara akan terjejas berikutan insiden Kim Jong-Nam yang terbunuh di KLIA baru-baru ini. Adakah pihak Malaysia akan menghadkan kemasukan warganegara-warganegara Korea Utara yang identiti mereka disangsi untuk masuk ke Malaysia.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong di atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Sebagaimana Ahli-ahli Dewan yang mulia ini sedia maklum, seorang lelaki warganegara Republik Demokratik Rakyat Korea telah meninggal dunia setelah diserang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) pada 13 Februari 2017. Beliau dilaporkan mengadu di kaunter khidmat pelanggan KLIA2 bahawa beliau telah diserang dan setelah itu mendapatkan bantuan perubatan awal di Klinik Menara Medical di KLIA2. Beliau kemudiannya dikejarkan ke Hospital Putrajaya dan disahkan telah meninggal dunia dalam perjalanan ke hospital. Berdasarkan dokumen perjalanan yang ditemui bersama mendiang, beliau dikenali sebagai Kim Chol.

3. Kerajaan menganggap bahawa tuduhan dan kritikan yang dibuat oleh Duta Besar Republik Demokratik Rakyat Korea ke Malaysia yang mempersoal pengendalian dan siasatan kes ini sebagai tidak berasas dan merupakan penghinaan kepada Malaysia. Beliau telah membuat tuduhan dan kritikan tersebut melalui kenyataan media pada 17 dan 20 Februari 2017. Kerajaan memandang serius segala tuduhan dan kritikian tidak berasas yang dilemparkan yang bertujuan untuk mencemarkan reputasi negara.

4. Kerajaan telah memanggil, dengan izin “*summoned*”, Duta Besar Republik Demokratik Rakyat Korea ke Malaysia pada 20 Februari 2017. Di mesyuarat tersebut, beliau cuba mengulangi tuduhan bahawa Kerajaan menyembunyikan maklumat-maklumat berkaitan penyiasatan kes ini. Di samping itu, beliau terus mendakwa yang proses penyiasatan kes ini didalangi oleh kuasa-kuasa luar yang berkepentingan yang bersekongkol dengan Kerajaan Malaysia. Beliau telah dimaklumkan dengan tegas bahawa Kerajaan memandang serius segala tuduhan dan kritikan yang dilemparkan yang mempersoal pengendalian dan siasatan kes ini berdasarkan undang-undang dan peraturan-peratuan negara. Beliau juga telah diingatkan bahawa Kerajaan tidak akan bertolak-ansur terhadap apajua cubaan campurtangan pihak Republik Demokratik Rakyat Korea ke atas pengendalian dan siasatan kes ini.

5. Sebagai satu tanda tindakan serius Kerajaan terhadap segala tuduhan dan cubaan campurtangan pihak Republik Demokratik Rakyat Korea dan rasa penghinaan kepada Malaysia, Kerajaan juga telah memanggil pulang, dengan izin “*recalled*”, Duta Besar Malaysia ke Republik Demokratik Rakyat Korea untuk proses perbincangan.

6. Sewaktu Sidang Akhbar oleh YB Menteri Luar Negeri pada 24 Februari 2017, beliau menegaskan bahawa Dasar Luar Negara ialah untuk sentiasa ingin mengekalkan dan meneruskan hubungan erat dengan negara-negara lain. Namun begitu, Malaysia mengharapkan pendekatan tersebut ditimbal balik, dengan izin “*reciprocated*”, oleh negara-negara luar berkenaan. YB Menteri Luar Negeri juga telah menegaskan bahawa sebagai seorang Duta Besar Republik Demokratik Rakyat Korea ke Malaysia, beliau seharusnya sedar bahawa beliau memerlukan kepercayaan dan keyakinan Kerajaan Malaysia.

7. Pada 28 Februari 2017, pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri, yang diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha Hubungan Dua Hala Kementerian Luar Negeri, telah berjumpa dengan Delegasi Peringkat Tinggi Republik Demokratik Rakyat Korea yang diketuai oleh TYT Kim Song. Pada mesyuarat tersebut, Kerajaan Malaysia telah menuntut supaya Kerajaan Republik Demokratik Rakyat Korea mengemukakan permohonan maaf secara bertulis bagi dakwaan-dakwaan yang telah dilontarkan oleh Duta Besar Republik Demokratik Rakyat Korea terhadap Malaysia. Permohonan maaf tersebut perlu dikemukakan selewat-lewatnya pukul 10.00 malam pada hari yang sama. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan Kerajaan Malaysia mengambil langkah-langkah untuk mempertahankan kepentingan negara.

8. Namun demikian, sehingga 4 Mac 2017, pihak Kementerian Luar Negeri masih belum menerima sebarang permohonan maaf dari Kerajaan Republik Demokratik Rakyat Korea mahupun sebarang isyarat yang mereka akan memohon maaf.

9. Duta Besar Republik Demokratik Rakyat Korea sekali lagi dipanggil "*summoned*" untuk bertemu dengan Timbalan Ketua Setiausaha Hubungan Dua Hala Kementerian Luar Negeri pada 4 Mac 2017 jam 6.00 petang. Walaubagaimanapun, Duta Besar mahupun pegawai kanan dari Kedutaan tidak dapat menghadirkan diri ke Kementerian Luar Negeri. Oleh yang demikian, Duta Besar Republik Demokratik Rakyat Korea telah disyiharkan Persona Non Grata oleh Kerajaan Malaysia.

10. Bagi menangani isu menghadkan kemasukan warganegara Republik Demokratik Rakyat Korea, YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri telah mengumumkan pada 3 Mac 2017 bahawa bermula 6 Mac 2017, warganegara Republik Demokratik Rakyat Korea akan dikenakan visa untuk masuk ke Malaysia. Tindakan ini menunjukkan bahawa Malaysia memandang berat apajua cubaan untuk menjadikan Malaysia sebagai tempat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Sekian, terima kasih.